

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Pelanggan yang dihormati,

1. PENGENALAN

- 1.1 Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang ditubuhkan di bawah Akta 423 komited untuk memastikan Data Peribadi diproses mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).
- 1.2 Notis ini adalah untuk memberitahu bagaimana Data Peribadi yang dikongsi anda (bagi tujuan permohonan dan lain-lain) dikawal, diproses dan/atau diguna pakai oleh LADA.

2. PENGUMPULAN

- 2.1 Data Peribadi adalah semua data-data/maklumat-maklumat yang diperolehi daripada atau dibekalkan anda secara langsung atau tidak langsung melalui pengisian borang *hardcopy* atau *softcopy*, sistem yang digunakan/pakai oleh LADA dan lain-lain kaedah.
- 2.2 Data Peribadi anda dikumpul secara terus daripada maklumat dan/atau dokumen yang telah diberikan kepada LADA, melalui serahan sendiri, platform dalam talian, aplikasi mudah alih atau melalui telefon, e-mel, temu bual dan lain-lain.
- 2.3 Dengan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh LADA, anda bersetuju untuk memberikan persetujuan kepada LADA memproses Data Peribadi anda dan anda memahami Notis ini.

- 2.4 Apabila anda memberikan data peribadi atau maklumat tentang orang lain, anda mengesahkan bahawa anda diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak mereka untuk bersetuju bagi pemprosesan data peribadi mereka dan menerima Notis ini bagi pihak mereka.
- 2.5 Notis ini terpakai kepada data peribadi yang telah diproses sebelum dan selepas Notis ini dikeluarkan.

3. JENIS DATA PERIBADI

- 3.1 Data Peribadi yang dikawal, diproses dan/atau diguna oleh LADA termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan/pasport, jantina, warga negara, agama, alamat kediaman/pejabat, nombor telefon, nombor faksimili, e-mel, nama majikan/syarikat, maklumat perbankan seperti nombor akaun, maklumat kesihatan/perubatan, tandatangan, maklumat biometrik (cop jari, tandatangan dan tandatangan elektronik), alamat IP (nama pengguna, pengenalan ahli, pengenalan log masuk), data lokasi (jika berinteraksi melalui aplikasi/laman web kami) atau maklumat lain yang berkaitan.
- 3.2 Data peribadi juga termasuk maklumat seperti profil syarikat, cadangan projek, penyata kewangan, data bank untuk urusan pembayaran/urusniaga (jika berkaitan) atau sebarang maklumat lain yang diperlukan untuk menilai, meluluskan pelantikan syarikat/pembekal/kontraktor dan memantau projek-projek berkaitan LADA.

4. TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda dikumpul adalah bagi maksud seperti berikut:

- 4.1 Memproses/menilai kelayakan permohonan;

- 4.2 Memproses pembayaran kepada pembekal dan kontraktor serta pemulangan wang amanah kepada pemaju/ individu;
- 4.3 Penjanaaan bil pelbagai;
- 4.4 Memproses penyewaan premis milik LADA;
- 4.5 Memproses bagi tindakan sitaan barang, notis, kompaun dan pendakwaan;
- 4.6 Permohonan jawatan kosong;
- 4.7 Kemudahan perbankan, menandatangani dokumen undang-undang dan perakaunan;
- 4.8 Aktiviti secara langsung atau tidak langsung berkaitan LADA dalam menjalankan fungsinya;
- 4.9 Aktiviti pemasaran, promosi, statistik dan pelaporan oleh LADA; dan
- 4.10 Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, garis panduan, perintah mahkamah atau pihak berkuasa.

5. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI

Data Peribadi tertentu yang berkaitan dengan pemohon mungkin perlu didedahkan/dikongsi kepada Pihak Ketiga seperti berikut:

- 5.1 Warga kerja LADA, rakan strategik, pembekal perkhidmatan/pembekal kami, ejen yang dilantik, perunding, penasihat undang-undang, juruaudit luar dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan kepada LADA;
- 5.2 Jika perlu, LADA mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga yang lain tetapi tidak terhad kepada badan-badan profesional, institusi latihan, institusi kewangan, apa-apa pihak berkuasa, agensi, badan atau jabatan-jabatan kerajaan/atau bukan kerajaan.
- 5.3 Mana-mana agensi/syarikat yang mengehendaki LADA berbuat demikian mengikut undang-undang secara niat baik, jika tindakan

tersebut adalah perlu bagi mematuhi kehendak mana-mana badan kawal selia, agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; dan

- 5.4 Mana-mana orang yang berada di bawah obligasi kerahsiaan yang telah memberikan aku janji untuk menyimpan data itu sebagai data sulit.

6. HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANDA

- 6.1 Pemberian/Serahan Data Peribadi anda kepada LADA adalah atas dasar sukarela. Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini menarik balik persetujuan anda untuk LADA mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan atau mengehendkan pemprosesan Data Peribadi anda bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas dengan memberitahu LADA secara bertulis menggunakan alamat yang dinyatakan di bawah.
- 6.2 Anda mempunyai hak mengemas kini Data Peribadi daripada masa ke masa untuk memastikan data yang diberikan adalah tepat, terkini dan lengkap kerana kegagalan berbuat demikian menyebabkan LADA gagal menyediakan perkhidmatan kepada anda.

7. TEMPOH PENYIMPANAN

- 7.1 LADA akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman.
- 7.2 Segala Data Peribadi akan dimusnahkan/dipadam secara kekal jika tidak lagi dikehendaki mengikut maksud asal.

8. INTEGRITI DAN KESELAMATAN

8.1 LADA komited untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda sama ada dalam bentuk fizikal dan digital disimpan dengan selamat dalam pangkalan-pangkalan data.

8.2 LADA akan mengambil langkah yang munasabah/bersesuaian untuk melindungi Data Peribadi anda daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suai, akses atau pendedahan tanpa persetujuan atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan.

8.3 Tindakan Sekiranya Berlaku Pelanggaran Data

Sekiranya berlaku insiden pelanggaran keselamatan data (*data breach*), LADA akan mengambil langkah-langkah munasabah yang perlu termasuk memaklumkan individu yang terlibat dan pihak berkuasa yang berkaitan, mengikut keperluan undang-undang yang terpakai dan berkuatkuasa. LADA komited untuk mengurangkan sebarang risiko serta mengambil tindakan pembetulan segera.

9. PERLINDUNGAN DAN PENYIMPANAN DATA PERIBADI

9.1. LADA mengambil langkah keselamatan yang sewajarnya untuk melindungi data anda, termasuk:

- i. Akses kawalan terhadap data.
- ii. Sistem keselamatan ICT (firewall, enkripsi, kawalan log masuk).
- iii. Polisi kerahsiaan dalaman yang ketat.
- iv. Latihan kesedaran perlindungan data untuk kakitangan berkaitan (boleh diperincikan mengikut kesesuaian).

10. HUBUNGI LADA

- 10.1 Sekiranya anda ingin memohon akses atau membuat pembetulan pemprosesan Data Peribadi anda atau menarik balik, atau sebarang pertanyaan boleh dibuat secara bertulis kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Kompleks LADA, Peti Surat 60
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah Langkawi, Kedah
(u.p : Unit Khidmat Korporat)
No. Telefon : 04-9600600
e-mel : ukk@lada.gov.my
Laman sesawang: <https://www.lada.gov.my/>

11. PENGEMASKINIAN NOTIS

- 11.1 LADA mempunyai hak untuk mengubahsuai, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis yang telah dikemas kini di laman sesawang LADA.

- 11.2 Tarikh kuat kuasa Notis ini adalah daripada tarikh ia dikeluarkan.